

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM [ BALING ]**

**TARIKH : 4 JULAI 2019 | KHAMIS**

**SOALAN**

**Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [ Baling ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah status semasa rundingan permohonan mendapatkan kuota tambahan bagi jemaah haji Malaysia untuk menunaikan ibadah haji pada tahun ini.

**JAWAPAN : (MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kuota rasmi Malaysia untuk musim haji tahun ini adalah 30,200 orang. Seperti tahun-tahun sebelum ini, Kerajaan Malaysia telah membuat permohonan rasmi kepada Kerajaan Arab Saudi untuk mendapatkan kuota tambahan bagi membolehkan lebih ramai umat Islam Malaysia menunaikan haji.

Permohonan kuota tambahan bagi Musim Haji 1440H/2019M telahpun dibuat dan setakat 3 Julai 2019, keputusannya belum diperolehi daripada Kerajaan Arab Saudi. Apa pun usaha untuk mempertingkatkan lagi jumlah kuota haji semasa, kelulusan kuota haji tahunan daripada Arab Saudi untuk setiap negara termasuk Malaysia adalah terletak kepada kuasa mutlak Raja Arab Saudi. Sekian. Terima kasih.